



KENYATAAN MEDIA

MenKOMM ATUR TAKLIMAT KHAS MENGENAI PERKHIDMATAN 5G UNTUK PEMUDA UMNO

Saya telah meneliti memorandum yang diserahkan oleh Pemuda UMNO Malaysia pada tarikh 21 Jun 2022 kepada Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Datuk Zahidi Zainul Abidin berhubung Pelaksanaan Projek 5G Kebangsaan oleh Digital Nasional Berhad (DNB).

Seperti kenyataan saya pada keesokan harinya, saya telah memanjangkan memorandum tersebut kepada Kementerian Kewangan memandangkan kebanyakan perkara-perkara yang terkandung di dalam memorandum tersebut berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) turut menawarkan untuk mengatur majlis bagi memberikan penjelasan lanjut seperti yang pernah dilakukan sebelum ini untuk Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang serta pemegang taruh yang lain.

Berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam memorandum tersebut, didapati terdapat banyak maklumat yang tidak tepat dan tidak terkini yang sampai kepada pihak Pemuda UMNO Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pemuda UMNO Malaysia kerana menyampaikan pandangan mereka dan saya berpandangan, selaku pemimpin muda, mereka berhak untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam, tepat dan terkini mengenai pelaksanaan 5G ini secara terus 'from the horse's mouth' atau daripada pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan 5G ini.

Sehubungan dengan itu, saya telah mengambil inisiatif untuk meminta MOF, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan DNB untuk memberi taklimat secara terus kepada Pemuda UMNO Malaysia semasa majlis berikut:

MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA DAN TAKLIMAT PELAKSANAAN 5G NEGARA OLEH MOF, SKMM DAN DNB

Tarikh : 1 Julai 2022 (Jumaat)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur

Memandangkan majlis dan penjelasan ini amat penting bagi membolehkan golongan muda dan pemimpin parti mendapat penjelasan dan maklumat terkini, saya juga akan memanjangkan jemputan ini kepada beberapa pemimpin sayap Puteri dan Pergerakan Wanita UMNO.

Semoga melalui majlis ini, semua persoalan yang dibangkitkan dapat dijelaskan secara terperinci oleh agensi yang terbabit.

**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

26 Jun 2022